

KANDUNGAN

KRITERIA 1	PENGLIBATAN PIHAK PENGURUSAN	1
1.A	Latar belakang kumpulan	1
1.B	Nama Projek/Inovasi	1
1.C	Bidang dan kategori projek/Inovasi	1
1.D	Sokongan dan kelulusan pihak pengurusan tertinggi	1
KRITERIA 2	SIGNIFIKAN PROJEK DAN PEMBUKTIAN	2
2.A	Kaitan Dengan Fungsi Utama MBSJ	2
2.B	Memenuhi Kehendak Pelanggan dan Pemegang Taruh (<i>Stakeholder</i>)	2
2.C	Sejajar Dengan Agenda dan Matlamat Nasional	4
2.D	Kaitan Dengan Keadaan dan Ekosistem Semasa	4
2.E	Kaedah Pemilihan Projek dan Analisis	5
2.C	Penyataan Sasaran Outcome dan Impak	6
KRITERIA 3	TINDAKAN PENYELESAIAN	7
3.A	Strategi Penyelesaian kreatif termasuk aplikasi penggunaan tolos	7
3.B	Penghasilan dan Pengujian Prototaip	8
3.C	Perakuan daripada Pihak bertauliah/pihak berkuasa	10
3.D	Pelaksanaan Inovasi	11
KRITERIA 4	KEBERHASILAN PROJEK	11
4.1	Outcome projek dan pembuktian	11
4.1A	Pencapaian Outcome dan Pembuktian	12
4.1B	Faedah Sampingan (luar jangka)	12
4.2	Impak projek dan pembuktian	13
4.2A	Penilaian Impak dan Pembuktian	13
4.2B	Faedah Sampingan (luar jangka)	13
KRITERIA 5	POTENSI PENGEMBANGAN INOVASI	14
5.A	Tahap ketersediaan teknologi/sistem/proses	14
5.B	Tahap Replikasi atau pengkomersialan	15
LAMPIRAN		16

KRITERIA 1 PENGLIBATAN PIHAK PENGURUSAN

1.A PENGENALAN KUMPULAN

OSCrrian merupakan nama kumpulan KIK yang telah dipilih bagi Jabatan OSC. **OSC melambangkan nama jabatan** manakala **RIAN pula adalah perkataan berasal dari Sepanyol yang membawa maksud Raja**. Kumpulan ini ditubuhkan pada 15 November 2023 di mana Puan Sarina binti Saad selaku fasilitator dan terdiri daripada 8 orang ahli yang diketuai oleh Encik Nur Hisham bin Sharuddin (Lampiran 1 – Carta Organisasi Kumpulan, Logo Kumpulan dan Surat Lantikan Ahli Kumpulan).

1.B NAMA PROJEK / INOVASI

OSCrrian telah memilih tajuk “OSC Save My Date” sebagai projek kumpulan pada tahun ini (Lampiran 2- Memo kelulusan). OSC Save My Date merupakan satu portal yang direka khas untuk memantau tempoh memproses permohonan cadangan pembangunan yang diterima di Majlis bagi menyelesaikan masalah dalam memberi maklumbalas dengan kadar segera bagi menentukan tarikh dan tempoh memproses permohonan. Portal ini menyasarkan penjimatan masa dalam penentuan tarikh dan tempoh memproses cadangan permohonan dari penerimaan sehingga selesai. Kebanyakan pemohon tidak memahami proses permohonan OSC 3.0 Plus Online terutamanya bagi pengguna yang pertama kali menggunakan sistem yang dibangunkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Golongan sasaran yang mendapat manfaat dari portal ini adalah Agensi Teknikal Dalam (ATD), Agensi Teknikal Luar (ATL), pemaju, pemilik, dan perunding profesional/bertauliah. Selain daripada itu, portal ini membuka ruang untuk pengguna OSC 3.0 Plus Online lebih jelas terhadap tempoh memproses permohonan cadangan pembangunan

1.C BIDANG DAN KATEGORI PROJEK

Bidang projek ini merupakan **INOVASI PENYAMPAIAN PEKHIDMATAN** dan dikategorikan sebagai **PENAMBAHBAIKAN**.

1.D SOKONGAN DAN KELULUSAN PIHAK PENGURUSAN TERTINGGI SETIAP AGENSI TERLIBAT

Berikut adalah sokongan dan kelulusan Pihak Pengurusan tertinggi :

BIL.	PERKARA
1.	Berdasarkan memo Jabatan OSC No. Ruj. : MBSJ.OSC.600-7/5(5) dan MBSJ.OSC.600-7/5(6) (Lampiran 2 – Memo Kelulusan dan Minit Jabatan OSC Bil. 11/2023), tajuk projek ini telah mendapat persetujuan dan kelulusan dari Pengarah OSC. Beberapa fasiliti / kemudahan turut diberi kepada ahli kumpulan seperti penggunaan laptop dan ruang perbincangan bagi melancarkan projek ini.
2.	Kelulusan Program Inovasi oleh Pengurusan Tertinggi di dalam Mesyuarat Kewangan MBSJ Bil.1/2024 dan Bil. 1/2025 – Lampiran 3
3.	Peruntukan Dana Inovasi (<i>Seed Grant</i>) – Lampiran 3
4.	Kem Inovasi dan Pembangunan Kreativiti Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) Tahun 2024 dan Bengkel Pemantapan dan Penyediaan Dokumen Anugerah Inovasi Awam Negeri Selangor (AINS) 2024 – Lampiran 4
5.	Majlis Pemberian Insentif Kumpulan Inovasi dan EKSA Jabatan (EKSA RM950) INOVASI (RM1000) – Lampiran 5
6.	Perbincangan dan perjumpaan di antara ahli kumpulan juga diteruskan di jabatan dengan mengadakan dua minggu sekali bagi memperkemaskan lagi projek ini. (Lampiran 5 – gambar perbincangan kumpulan)

Sokongan dan kelulusan Pihak Pengurusan

2.A KAITAN DENGAN FUNGSI UTAMA JABATAN /ORGANISASI

Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), 2016-2020, kerajaan akan lebih berpaksikan rakyat serta menumpukan kepada peningkatan produktiviti dan kecekapan perkhidmatan awam. Penyampaian perkhidmatan akan terus ditingkatkan dan dilaksanakan dengan cepat, tepat dan berintegriti menerusi pendekatan kreatif dan inovatif. Pada peringkat tempatan, kecekapan penyampaian perkhidmatan oleh PBT akan ditambah baik menerusi strategi-strategi seperti berikut :

- i. memperkasa dan meningkatkan akauntabiliti PBT;
- ii. memperkukuh penyampaian perkhidmatan oleh PBT melalui peningkatan integrasi antara Kerajaan Persekutuan dan negeri;
- iii. memperkemas peraturan dan proses bagi meningkatkan kepantasan bertindak PBT;
- iv. memperkukuh kerjasama untuk meransang pembangunan ekonomi tempatan; dan
- v. mempergiat penglibatan masyarakat setempat dan perkongsian data.

Penekanan diberi kepada usaha menambahbaik sistem dan proses kerja. Peraturan yang rumit dan kurang berkesan akan dipermudahkan dan diperkemas serta prosedur yang tidak relevan akan dimansuhkan. Inisiatif ini akan menambah baik kecekapan perkhidmatan PBT dengan mengurangkan masa tindak balas serta meningkatkan tahap kepuasan rakyat. Oleh itu, semua yang telah digariskan kerajaan selari dengan fungsi jabatan seperti berikut:

1. Menguruskan Permohonan Pelan Pembangunan.
 - a. Permohonan Kelulusan Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan, Pelan Kejuruteraan dan Pelan Lanskap
 - b. Permohonan Kelulusan Sijil Layak Menduduki (CFO) atau Sijil Penyiapan dan Pematuhan CCC.
 - c. Permohonan Pengambilan Alih Kawasan.
2. Menyelaraskan hal ehwal Jawatankuasa Pusat Setempat, Perancangan dan Pembangunan.
3. Menyelaraskan pelaporan prestasi pengurusan pelan pembangunan kepada Kerajaan Persekutuan/ Kerajaan Negeri secara tetap.
4. Melaksanakan pengurusan pentadbiran secara efektif dan efisien.
5. Menyelaraskan hal ehwal Sistem OSC 3.0 Plus online secara sistematik


2.B MEMENUHI KEHENDAK PELANGGAN DAN PEMEGANG TARUH (STAKEHOLDER)

2.B.1 Seterusnya, kajian selidik ke atas perunding (stakeholder) yang melibatkan Jururancang Bandar, Jurutera, Arkitek dan Arkitek Landskap dijalankan ke atas projek. Kajian selidik ini dijalankan bagi melihat kefahaman perunding berkaitan tarikh dan tempoh memproses bagi prosedur semasa di jabatan. Seramai 30 orang responden telah dipilih untuk kajian selidik ini (Lampiran 6). Hasil daripada kajian selidik yang dijalankan, mendapati :

- i. Perunding maklum penggunaan Manual OSC 3.0 Plus Online iaitu sebanyak 100%.

- ii. Manakala, tempoh masa memproses permohonan pula sebanyak 66.67%.
- iii. Bagi kriteria 3, Pemohon kurang mengetahui penentuan tempoh masa bagi sesuatu permohonan yang dikemukakan dengan mencatatkan peratusan yang tinggi iaitu sebanyak 93.33%.
- iv. Pemantauan tempoh masa memproses permohonan kurang difahami mencatatkan peratusan yang tinggi iaitu sebanyak 93.33%
- v. Kriteria terakhir pula menunjukkan 100% perunding tidak mengetahui memantau tarikh memproses permohonan

Oleh itu, peratusan pada kaji selidik ini jelas menunjukkan bahawa perunding masih lagi kurang jelas berkaitan tarikh dan tempoh memproses permohonan cadangan pembangunan. Portal ini selari dengan Teras Strategik, Fungsi dan Piagam Pelanggan yang telah digariskan oleh pihak jabatan



JABATAN ONE STOP CENTRE (OSC), MBSJ		OSC SAVE MY DATE
TERAS 5	CAPAIAN PINTAR	Memperbaiki penggunaan sistem untuk membantu kakitangan dan pelanggan mendapatkan info permohonan dengan cepat.
FUNGSI ORGANISASI (FO)	F08 Mengintegrasikan dan menyokong pembangunan bandar pintar	
FUNGSI JABATAN (FJ)	FJ5 Menyelaras hal ehwal Sistem OSC 3.0 Plus online secara sistematik.	Meningkatkan keyakinan pelanggan terhadap keupayaan OSC untuk memberi informasi yang tepat.
PIAGAM PELANGGAN (PP 8)	Pengurusan menyeluruh pelan pembangunan secara atas talian (sistem OSC 3.0 Plus) - a.Permohonan pelan pembangunan b.Kutipan bayaran fi.	30 Hari diangkat ke mesyuarat selepas penerimaan di kaunter OSC 28 Hari pematuan syarat
		Meningkatkan keberkesanan pengurusan perkhimatan yang berkualiti kepada pelanggan.

2.B.2 Pelanggan/Stakeholder

Stakeholder MBSJ memainkan peranan sebagai aset pengurusan bagi membantu pengurusan yang lebih cemerlang.



2.C SEJAJAR DENGAN AGENDA DAN MATLAMAT NASIONAL

Penghasilan Portal OSC Save My Date dapat dikaitkan selaras dengan Agenda dan Matlamat Antabangsa serta Nasional seperti yang tertera di bawah:

ANTARABANGSA	NEGARA	OSC SAVE MY DATE
SDG 17 Memperkuh cara pelaksanaan dan menggiatkan semula Perkongsian Global untuk Pembangunan Mampan 	Manual OSC 3.0 Plus - Menyelaras dan memudahcara proses kelulusan permohonan pembangunan tanah, permohonan kebenaran merancang, pelan bangunan, pelan kerja tanah, pelan jalan dan parit, dan pelan-pelan lain berkaitan cadangan pemajuan; Konsep MADANI Nilai teras madani pada Huruf D - DAYA Cipta - Pembaharuan dan pengupayaan modal insan bagi menjelmakan daya cipta manusia Rancangan Malaysia Ke-12 - Fokus ke 9 - Meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan Awam dan memastikan pelaksanaan dasar yang berkesan	- Meningkatkan keberkesanan pengurusan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan. - Memperbaiki penggunaan sistem untuk membantu kakitangan dan pelanggan mendapatkan info permohonan dengan cepat - Meningkatkan keyakinan pelanggan terhadap keupayaan OSC untuk memberi informasi yang tepat. - Proses kerja yang lengkap telah direkodkan didalam sistem. 



2.D KAITAN DENGAN KEADAAN DAN EKOSISTEM SEMASA

Merujuk kepada keratan akhbar di dalam laman sesawang Astro Awani bertarikh 15 Mac 2023 (*Sumber: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tempoh-kelulusan-projek-pembangunan-bagi-syarikat-pemaju-akan-dipendekkan-pm-411012>*), Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyatakan bahawa **“tempoh kelulusan projek pembangunan syarikat pemaju akan dipendekkan”** jelas menunjukkan bahawa projek ini turut menyokong hasrat dan saranan Perdana Menteri bagi memastikan tempoh dan tarikh kelulusan sesuatu projek dapat dikenalpasti.

Tempoh kelulusan projek pembangunan bagi syarikat pemaju akan dipendekkan - PM



Portal ini juga menyokong Inisiatif yang dicadangkan oleh Kementerian bagi mengatasi kelewatan kelulusan pelan pemajuan. Cadangan penambahbaikan ini dijangka akan memberikan impak yang positif kepada PBT dan juga kepada pelabur-pelabur yang berhasrat untuk mengembangkan lagi perniagaan yang sedia ada.

Keratan akhbar di dalam laman sesawang Bernama bertarikh 19 Jun 2023

Kerajaan rancang seragam proses kelulusan KM peringkat negeri, PBT



KPKT dalam kenyataan memaklumkan ia mengambil kira keberkesanan dilaksanakan di beberapa PBT yang terbukti memberi impak positif kepada pelaburan dan perkembangan ekonomi. Foto Facebook/KPKT

KPKT tambah baik kebenaran merancang



<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpkt-tambah-baik-kebenaran-merancang-421958>

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengambil langkah proaktif untuk menambah baik proses permohonan kebenaran merancang terutama melibatkan sektor industri, dalam usaha memudah cara perniagaan.

Segerakan pelaksanaan kelulusan pembangunan PBT dalam tempoh 21 hari




<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/04/1095142/segerakan-pelaksanaan-kelulusan-pembangunan-pbt-dalam-tempoh-21-hari>

Pertubuhan Perunding Arkitek Malaysia (ACAM) menggesa kerajaan mempercepatkan pelaksanaan proses kelulusan pembangunan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) kepada 21 hari berbanding 42 hari sebelum ini.

Keratan akhbar di dalam laman sesawang

KEADAAN YANG BERLAKU DI KAUNTER


Kehadiran pemohon yang ramai di kaunter dan menerima panggilan telefon yang tinggi	Pengiraan penentuan tempoh kelulusan secara manual	Rujukan dokumen yang banyak dalam mengira tempoh kelulusan
		
Kakitangan Jabatan OSC mengambil masa yang lama bagi layanan di kaunter dan telefon	Kakitangan Jabatan OSC perlu mengira secara manual dalam menentukan tarikh kelulusan permohonan	Kakitangan Jabatan OSC perlu merujuk Manual OSC 3.0 Plus, Prosedur ISO OSC, dan Takwim Tahunan MJKOSC

2.E KAEDAH PEMILIHAN PROJEK DAN ANALISIS

Kumpulan OSCrian telah menggunakan tiga (3) Alat Kawalan Kualiti bagi pemilihan projek. Kaedah Brainstorming (Sumbang Saran), Data Analisa Matrik dan Matrik Keutamaan diaplikasikan dalam menentukan isu projek yang telah dipilih seperti di lampiran 7,8,9,10,11,12 dan kaedah 5W+1H bagi menyokong pemilihan projek tersebut.



Bagi pemilihan projek, ahli kumpulan telah memilih 6 masalah (Lampiran 7) yang dikenal pasti secara brainstorm, kesemua 6 masalah tersebut telah dijadikan isu melalui kaedah Data Analisa Matrik dan daripada itu terdapat 2 isu utama dan kaedah Matrik Keutamaan dijadikan alat bagi proses selanjutnya. seterusnya ahli kumpulan telah mendapati Kegagalan Memberi Maklumbalas Dengan Kadar Segera Bagi Menentukan Tarikh dan Tempoh Memproses Permohonan menjadi keutamaan. Bagi menyelesaikan isu tersebut, kaedah 5W 1H digunakan bagi menterjemah masalah secara terperinci seperti rajah berikut.



2.F PENYATAAN SASARAN OUTCOME DAN IMPAK

Berdasarkan analisa pada tahun 2023 menunjukkan bahawa pihak jabatan telah menerima sebanyak 1,123 permohonan pemajuan yang melibatkan Permohonan Kebenaran Merancang, Pelan Kerja Tanah, Pelan Jalan dan Perparitan, Pelan Bangunan, dan Pelan Landskap. Setiap permohonan yang diterima memerlukan kakitangan untuk berurusan dengan pemaju, pemilik, dan perunding profesional/bertauliah (pemohon) bagi menyemak keperluan dokumen setiap permohonan tersebut. Antaranya turut melibatkan penjelasan tempoh masa terutamanya penentuan tarikh mesyuarat dan surat kelulusan boleh diperolehi setelah permohonan dikemukakan.


Secara amnya, penentuan ini dibuat secara manual bagi mendapatkan tarikh-tarikh aktiviti/tindakan semasa permohonan cadangan pembangunan diproses. Justeru, kakitangan Jabatan memerlukan masa yang lama/panjang untuk memberikan maklumbalas kepada pemohon. Kiraan secara manual memerlukan masa, tenaga dan fokus oleh kakitangan dan masa serta kos oleh pemohon yang berurusan di kaunter. Oleh itu, pihak kumpulan telah menetapkan sasaran outcome berdasarkan Langkah ERRC seperti berikut:

LANGKAH ERRC	PENAMBAHBAIKAN	SEMASA	SASARAN	PERATUS SASARAN
ELIMINATE	Kaedah Pengiraan tempoh masa oleh kakitangan OSC dalam memberi maklumbalas	Kakitangan OSC mengira tempoh masa secara manual dengan merujuk kalendar dan dokumen berkaitan	Kumpulan mensasarkan kaedah pengiraan menggunakan sistem / portal bagi memudahkan maklumbalas diberi dengan cepat dan tepat	100% memansuhkan kaedah pengiraan secara manual
REDUCE	Tempoh masa memberi maklumbalas kepada pemohon sama ada di kaunter atau perbualan telefon	Kakitangan OSC mengambil masa selama 30 minit dalam memberi maklumbalas	Kumpulan mensasarkan tempoh masa selama 1 minit dalam memberi maklumbalas	Menurunkan tempoh masa dalam memberi maklumbalas sebanyak 97%
REDUCE	Penggunaan tenaga kerja / kakitangan dalam merujuk dokumen yang berkaitan	Jabatan memerlukan 3 orang untuk mengira tarikh dan tempoh memproses permohonan dengan berpanduan Manual OSC 3.0 Plus, Prosedur ISO dan Takwim Tahunan MJKOSC	Kumpulan mensasarkan 1 orang sahaja untuk mengira tarikh dan tempoh memproses permohonan	Mengurangkan penggunaan tenaga kerja / kakitangan dalam mengira tarikh dan tempoh memproses permohonan sebanyak 67%
RAISE	Penggunaan sistem / portal yang boleh mengira tarikh dan tempoh memproses permohonan	Tiada penggunaan sistem / portal yang digunakan oleh kakitangan OSC dalam menentukan tarikh dan tempoh memproses permohonan.	Kumpulan mencadangkan penggunaan sistem / portal yang boleh mengira tempoh memproses dan tarikh mesyuarat dengan mudah.	100% menggunakan sistem / portal bagi meningkatkan kecekapan kakitangan dalam memberi maklumbalas kepada pemohon
CREATE	Mewujudkan sistem / portal bagi menentukan tarikh dan tempoh proses permohonan dengan cepat dan mudah.			

Bagi memperincikan permasalahan yang dihadapi oleh jabatan, seterusnya Strategi Blue Ocean yang melibatkan *eliminate*, *reduce*, *raise* dan *create* dibentuk. Berikut adalah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi isu yang menyebabkan berlakunya masalah.

Eliminate: Kaedah Kiraan Tempoh masa secara manual digunakan pada setiap permohonan	Raise: Penggunaan teknologi dapat meningkatkan kecekapan pengurusan rekod dan tempoh masa dalam memproses permohonan.
Reduce: Maklumbalas kepada pemohon, pemilik atau PSP bagi mendapatkan tarikh dan tempoh masa setiap permohonan yang lama dapat disegerakan.	Create: Mewujudkan sistem bagi memantau tarikh dan tempoh masa memproses permohonan dengan lebih cepat dan mudah.

Langkah seterusnya, Kanvas Strategi *To Be* dibentuk bagi projek ini bagi melihat perbezaan sebelum dan selepas projek ini dilaksanakan.



Berdasarkan sasaran outcome yang telah dinyatakan, berikut pula adalah sasaran impak bagi inovasi ini:

- a) **Pemohon** : Menjimatkan kos dan masa dalam berurusan di kaunter
- b) **Jabatan OSC/ MBSJ** :
 - Capaian maklumat dalam memberi maklumbalas kepada pemohon dengan cepat dan mudah
 - Meningkatkan imej jabatan

KRITERIA 3 TINDAKAN PENYELESAIAN

3.A STRATEGI PENYELESAIAN KREATIF TERMASUK APLIKASI PENGGUNAAN TOOLS

Kumpulan OSCrian telah menggunakan Tiga Alat kawalan kualiti dalam strategi penyelesaian kreatif (WHY WHY, PRO n CON, Scamper), 5W 1H dan kaji selidik untuk menghuraikan penyelesaian tersebut. Bagi menyelesaikan isu utama ini, Analisa *Why Why* merupakan strategi penyelesaian kreatif yang digunakan bagi mengenalpasti punca utama ini. Oleh itu, terdapat 4 punca utama dan 2 cadangan yang diperolehi berdasarkan Analisa *Why Why* yang dijalankan ke atas projek ini seperti di lampiran 13 Analisa Teknik Pro dan Kontra diteruskan di dalam projek ini bagi melihat cadangan terbaik dalam menyelesaikan isu projek. Hasil perbincangan kumpulan, Jabatan telah bersetuju mewujudkan template pengiraan tempoh masa memproses permohonan pembangunan dari terima sehingga selesai sesuatu permohonan seperti di lampiran 14.

Melalui Analisa Pro dan Kontra yang dijalankan, Cadangan yang diterima ialah **Mewujudkan sistem / portal pengiraan tempoh masa memproses permohonan dari penerimaan sehingga selesai**. Kumpulan OSCrian turut menggunakan kaedah SCAMPER bagi membantu menjana idea untuk cadangan penyelesaian dan kaedah 5W 1H bagi merumuskan pelan tindakan seperti berikut



3.B PENGHASILAN DAN PENGUJIAN PROTOTAIP

Secara dasarnya, Portal OSC Save My Date dibangunkan bagi mentransformasikan cara kerja yang lebih mudah. Pemohon dan jabatan dapat membuat penentuan, pemantauan dan penilaian tempoh semasa menerima permohonan lengkap di kaunter sehingga keputusan muktamad permohonan cadangan pembangunan diperolehi. Berikut adalah proses pelaksanaan pelan tindakan penyelesaian bagi projek ini teknik 5W+1H pada para 3.A:

Bil	Aktiviti	Rancang (R) Laksana (L)	Bulan																			
			September 2023				Oktober 2023				November 2023				Disember 2023				Januari 2024			
			1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4
1	Penyediaan objektif dan sasaran projek	R																				
2	Mengenalpasti Data, Aliran Proses dan Rekabentuk Portal	R																				
3	Menyediakan Pangkalan Data Portal	R																				
4	Memبina Portal dan Borang untuk Penyediaan Data	R																				
5	Uji cuba Portal kepada pemohon/pengguna	R																				

*Petunjuk R Rancang L Laksana

1. Penyediaan objektif dan sasaran projek

- Portal OSC Save My Date ini menyasarkan penjimatan masa dalam penentuan tarikh tempoh memproses permohonan dari penerimaan sehingga selesai permohonan. Kebanyakan pemohon tidak memahami proses permohonan OSC 3.0 Plus Online lebih – lebih lagi pengguna yang pertama kali menggunakan sistem yang dibangunkan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan (KPKT) amnya.
- Selain daripada golongan sasar yang mendapat manfaat dari portal ini adalah Agensi Teknikal Dalaman (ATD), Agensi Teknikal Luaran (ATL), pemaju, pemilik, dan perunding profesional/bertauliah yang juga menggunakan Sistem OSC 3.0 Plus Online.
- Selain daripada itu objektif portal ini membuka ruang untuk pengguna OSC 3.0 Plus Online lebih jelas terhadap tempoh memproses permohonan


2. Mengenalpasti Data, Aliran Proses dan Rekabentuk Portal

- Permulaan bagi sistem ini direka menggunakan tarikh yang akan dimasukkan sebagai penanda aras bagi pemohon mengetahui tarikh aktiviti – aktiviti permohonan dari tarikh penerimaan di kaunter selepas permohonan lengkap online dan hardcopy.
- Sistem akan menyenaraikan jangkaan tarikh bermula dari tarikh akuan penerimaan, edaran teknikal, ulasan, kelulusan pindaan pelan, kelulusan penuh atau penolakan permohonan.



3. Menyediakan Pangkalan Data Portal

- Sistem akan dibangunkan secara *time-based* dan dibahagikan mengikut seksyen tarikh dan aktiviti – aktiviti permohonan :




Maklumat sedia ada dikumpul dan dirangkum bagi menyusun keperluan yang hendaklah dipaparkan di dalam portal

Pangkalan Data Portal

4. Membina Portal dan Borang untuk Penyediaan Data


- Setiap aktiviti – aktiviti permohonan akan dipaparkan sebagai ikon didalam sistem yang dibangunkan akan menyasarkan penentuan tarikh mesyuarat sebenar atau terdekat berserta jangkaan tarikh aktiviti – aktiviti permohonan dengan lebih cepat dan tepat.
- Pemohon akan mendapat akses tarikh dengan serta merta selepas mengisi tarikh dijangka menghantar dokumen *hardcopy* selepas dokumen *online* telah lengkap mengikut senarai semak OSC.



Prototaip Portal


5. Membangunkan Prototaip Portal

- Pelaksanaan ini dibuat secara *In-House*, idea asal dan modul yang digunapakai adalah daripada ahli kumpulan OSCrian.




Arkitektur Sistem

- Gambaran Pelaksanaan Inovasi (Rujuk Lampiran 15)**
 - Pemilihan Bahasa Pengaturcaraan (Programming Language)**
OSC Save My date menggunakan *Programming Language* jenis PHP (Rujuk Lampiran 16)
 - Berikut adalah carta aliran bagi penggunaan Portal OSC Save My Date: (Rujuk lampiran 17 & 18)
- #### 6. Uji cuba Portal kepada pemohon/pengguna
- Pengujian bagi Portal ini yang dihasilkan secara *in-house* menggunakan kepakaran ahli kumpulan mempunyai 2 peringkat ujian iaitu : (Lampiran 22: Proses UAT & FAT)
 - UAT – User Acceptance Test
 - FAT – Final Acceptance Test
 - Ujicuba inovasi merangkumi 3 peringkat iaitu:



- Keputusan hasil pengujian yang merangkumi 6 ujian dari UAT dan FAT mencapai 100% dan berjaya dilaksanakan. Arahan penggunaan OSC Save My Date ini dikuatkuasakan kepada semua kakitangan jabatan OSC. (Lampiran 19: Minit Jabatan OSC bil.2/2024) Setelah melalui proses inovasi dan terhasilnya portal ini, masalah-masalah yang disenaraikan dapat diatasi dengan efektif dan efisien. Pembuktian ini disokong dengan kaji selidik yang dijalankan kumpulan OSCrian. Hasil daripada kaji selidik yang dijalankan menunjukkan peningkatan pemahaman tempoh memproses permohonan cadangan pembangunan yang diterima di Majlis sebanyak 96.67% berbanding sebelum penggunaan OSC Save my Date 36.00% (Lampiran 20).
- Pihak Jabatan akan sentiasa membuat penambahbaikan Portal ini bagi meningkatkan keberkesanan dan memperluaskan penggunaan di peringkat MBSJ dan agensi luar.



3.C PERAKUAN DARIPADA PIHAK BERTAULIAH/PIHAK BERKUASA

- Perakuan Daripada Ketua Jabatan**

Pembentangan berkenaan Portal OSC Save My Date telah dilaksanakan di hadapan Pengarah Jabatan OSC, Puan Sarina Binti Saad. Ketua Jabatan OSC telah dimaklumkan semasa pembentangan tarikh berkuatkuasa Portal OSC Save My Date digunakan secara sepenuhnya adalah pada Februari 2024. Beliau menyokong penuh penggunaan portal bagi memudahkan urusan pelanggan di kaunter dan penjimatan masa proses kerja OSC. (Lampiran 19: Minit Jabatan OSC bil.2)

- Pengiktirafan daripada Pemohon**

Portal ini juga mendapat turut mendapat pengiktirafan daripada pemohon. Antaranya ialah:

- Surat Portal OSC Save My Date daripada Pilihan Megah Sdn. Bhd. (IOI Properties) No. Ruj. PMSB/Boxwood/018 bertarikh 25 Julai 2024 (**Lampiran 21**)
- Surat Pengiktirafan kepada Kumpulan OSCrian, Jabatan Pusat Setempat (OSC), Majlis Bandaraya Subang Jaya daripada DK-Land Construction Sdn. Bhd. No. Ruj. DKLCBS/MBSJ.OSC/DFL/2025/LT-001 bertarikh 22 April 2025 (**Lampiran 21**)

3.D PELAKSANAAN INOVASI


Kumpulan OSCrian menggunakan carta perbatuan bagi menjelaskan pelaksanaan inovasi. Carta perbatuan ini merangkumi mengenalpasti masalah, pengumpulan maklumat dan data, cadangan penyelesaian, ujicuba, outcome dan impak serta potensi inovasi. **(Lampiran 22 Carta Perbatuan)**. Hal ini jelas memberi gambaran bahawa pelaksanaan inovasi ini mempunyai perancangan dan pelaksanaan yang teliti dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Kumpulan OSCrian.

KRITERIA 4 KEBERHASILAN PROJEK

4.1 OUTCOME PROJEK DAN PEMBUKTIAN


4.1.A Berdasarkan projek yang telah dijalankan, seterusnya pencapaian sasaran sebenar dikenalpasti bagi melihat objektif projek tercapai. Pencapaian sasaran sebenar ini dirungkaikan berdasarkan borang rekod permohonan, masa, tenaga dan penggunaan teknologi. Peratus pencapaian sasaran sebenar adalah seperti berikut:
Pencapaian Outcome berdasarkan Sasaran

LANGKAH ERRC	PENAMBAHBAIKAN	SEMASA	SASARAN	PERATUS SASARAN	PENCAPAIAN SASARAN SEBENAR	PERATUS PENCAPAIAN SASARAN SEBENAR
ELIMINATE	Kaedah Pengiraan tempoh masa oleh kakitangan OSC dalam memberi maklumbalas	Kakitangan OSC mengira tempoh masa secara manual dengan merujuk kalendar dan dokumen berkaitan	Kumpulan mensasarkan kaedah pengiraan menggunakan sistem / portal bagi memudahkan maklumbalas diberi dengan cepat dan tepat	100% memansuhkan kaedah pengiraan secara manual	Tarikh dan tempoh memproses permohonan dikira menggunakan sistem / portal yang dicipta / direka	100%
REDUCE	Tempoh masa memberi maklumbalas kepada pemohon sama ada di kaunter atau perbualan telefon	Kakitangan OSC mengambil masa selama 30 minit dalam memberi maklumbalas	Kumpulan mensasarkan tempoh masa selama 1 minit dalam memberi maklumbalas	Menurunkan tempoh masa dalam memberi maklumbalas sebanyak 97%	Kakitangan OSC memberi maklumbalas dalam tempoh 1 minit kepada pemohon	100%
REDUCE	Penggunaan tenaga kerja / kakitangan dalam merujuk dokumen yang berkaitan	Jabatan memerlukan 3 orang untuk mengira tarikh dan tempoh memproses permohonan dengan berpandukan Manual OSC 3.0 Plus, Prosedur ISO dan Takwim Tahunan MJKOSC	Kumpulan mensasarkan 1 orang sahaja untuk mengira tarikh dan tempoh memproses permohonan	Mengurangkan penggunaan tenaga kerja / kakitangan dalam mengira tarikh dan tempoh memproses permohonan sebanyak 67%	Hanya seorang kakitangan sahaja diperlukan dalam memberi maklumbalas kepada pemohon	100%
RAISE	Penggunaan sistem / portal yang boleh mengira tarikh dan tempoh memproses permohonan	Tiada penggunaan sistem / portal yang digunakan oleh kakitangan OSC dalam menentukan tarikh dan tempoh memproses permohonan.	Kumpulan mencadangkan penggunaan sistem / portal yang boleh mengira tempoh memproses dan tarikh mesyuarat dengan mudah.	100% menggunakan sistem / portal bagi meningkatkan kecekapan kakitangan dalam memberi maklumbalas kepada pemohon	Penciptaan sistem / portal dapat menyelesaikan masalah kumpulan	100%



Kanvas Strategi To Be dibentuk bagi projek ini bagi melihat perbezaan sebelum dan selepas projek ini dilaksanakan. Perkara ini dapat dibuktikan:

(a) **Penggunaan Portal Save My Date di kaunter, Jabatan OSC**



TENAGA KERJA




SEBELUM



SELEPAS

(b) Tarikh dan tempoh memproses pada setiap aktiviti dikira **secara automatik menggunakan sistem / portal**

(c) **Pengurangan tempoh masa** memberi maklumat kepada pemohon sebanyak 97% dan **penggunaan tenaga kerja** daripada 3 orang kepada **seorang kakitangan**



Pengurangan **97%** dari 30 minit kepada 1 minit dan juga penurunan **67%** iaitu **1** orang kakitangan berbanding **3** kakitangan sebelum ini.

4.1.B Faedah Sampingan (luar jangka)

(1) **Pemohon memperoleh rekod maklumat aktiviti dan tempoh memproses permohonan dalam bentuk digital / Kod QR**

Setiap Borang Permohonan yang dikemaskini di dalam portal mempunyai Kod QR yang tersendiri. Hal ini memudahkan pemohon untuk merujuk dan mendapat semula tarikh bagi setiap perkara tanpa perlu memasukkan maklumat permohonan atau nombor rujukan.

(2) **Kakitangan OSC dapat menjana Borang Rekod Permohonan Pembangunan secara automatik untuk direkodkan di dalam fail.**

Bagi setiap permohonan yang diterima dan diproses, kakitangan perlu mengeluarkan Borang Rekod Permohonan Pembangunan sebagai rujukan di dalam fail. Dengan adanya portal ini, Borang Rekod Permohonan Pembangunan dapat dikeluarkan secara automatik selepas maklumat permohonan dikemaskini. Berikut adalah pembuktian Borang Rekod Permohonan Pembangunan sebelum dan selepas penciptaan portal.

Nama Projek & Nama Syarikat (Pemohon)	Jenis Perancangan	Jenis Pembangunan	Tarikh Perancangan	Agensi Teknikal		Masa	Tarikh Masa	Masa
				AT	AT			
RESEKUTAN BANGUNAN	KBM	01/08/2023	01/08/2023	JMB	01/08/2023	14	21	20
				JMB	01/08/2023			
				JMB	01/08/2023			
				JMB	01/08/2023			
				JMB	01/08/2023			
				JMB	01/08/2023			
				JMB	01/08/2023			
				JMB	01/08/2023			
				JMB	01/08/2023			
				JMB	01/08/2023			
RESEKUTAN BANGUNAN	KBM	01/08/2023	01/08/2023	JMB	01/08/2023	14	21	20
				JMB	01/08/2023			
				JMB	01/08/2023			
				JMB	01/08/2023			
				JMB	01/08/2023			
				JMB	01/08/2023			
				JMB	01/08/2023			
				JMB	01/08/2023			
				JMB	01/08/2023			
				JMB	01/08/2023			

Sebelum: Penyediaan Borang Secara Manual


Selepas: Borang disediakan melalui Portal (auto generate)

(3) **Kakitangan OSC dapat menjana Senarai Permohonan untuk dibawa ke MJKOSC**

(4) **Membantu Jabatan OSC dalam mendapatkan statistik permohonan**



- Jumlah Permohonan yang diterima bagi setiap bulan dan tahun
- Jumlah Permohonan Manual dan Online



4.2 IMPAK PROJEK DAN PEMBUKTIAN

4.2.A Penilaian Impak dan Pembuktian – Rujuk Lampiran 29

(a) Menjimatkan kos dan masa Pemohon dalam berurusan di kaunter

Bil.	Lokasi		Lebuhraya	Sebelum Inovasi					Selepas Inovasi					% Penurunan
	Dari	Ke		Jarak Sehala (KM)	Masa (minit)	Tol (RM) Kereta	Urusan di MBSJ		Jarak Sehala (KM)	Masa (minit)	Tol (RM) Kereta	Urusan di MBSJ		
							Masa (Jam)	Parking (RM)				Masa (Jam)	Parking (RM)	
1	Bandar Kinrara, Puchong	Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ)	KESAS	9.5 x 2 = 19.0	21 x 2 = 42	2.00 x 2 = 4.00	2	2.00	-	5 Hanya Telefon	-	-	-	Jarak: 100% Masa: 88.09% Tol: 100%
2	Seksyen 13, Shah Alam		PERSEKUTUAN	10.8 x 2 = 21.6	22 x 2 = 44	Tiada	2	2.00	-	5 Hanya Telefon	-	-	-	Jarak: 100% Masa: 88.64% Tol: -
3	Kota Damansara, Petaling Jaya		NKVE	19.1 x 2 = 38.2	24 x 2 = 48	0.98 x 2 = 1.96	2	2.00	-	5 Hanya Telefon	-	-	-	Jarak: 100% Masa: 89.58% Tol: 100%
4	Desa Melawati, Kuala Lumpur		NPE	35.7 x 2 = 71.4	36 x 2 = 72	11.60 x 2 = 23.2	2	2.00	-	5 Hanya Telefon	-	-	-	Jarak: 100% Masa: 93.06% Tol: 100%

Anggaran Penjimatan Kos oleh Pihak Pemohon Sumber: Google Map dan Aplikasi Waze

Di atas adalah contoh jarak sehala, masa yang diperlukan dan jumlah tol yang perlu dibayar oleh pemohon untuk mendapatkan maklumbalas bagi menentukan tarikh dan tempoh memproses permohonan sebelum penggunaan sistem dan selepas penggunaan Portal OSC Save My Date. Dengan adanya Portal OSC Save My Date, capaian maklumat yang diperlukan bagi menentukan tarikh dan tempoh memproses permohonan hanya boleh didapati dengan berhubung terus melalui telefon dengan pegawai yang berkaitan pada waktu pejabat atau dengan menggunakan Portal pada bila-bila masa di mana sahaja. Dengan ini secara tidak langsung **pemohon tidak perlu hadir ke kaunter** dan **tiada kos minyak** dan **tiada tol** yang terlibat dan hanya memerlukan **anggaran 5 minit untuk berinteraksi dengan pegawai terlibat** serta **anggaran 1 minit dengan menggunakan Portal**. Ianya memudahkan pemohon dan urusan kerja lebih mudah, cekap dan berkesan.

(b) Jabatan OSC/ MBSJ:

- Capaian maklumat dalam memberi maklumbalas kepada pemohon dengan cepat dan mudah.
- Meningkatkan imej jabatan

4.2.B Faedah Sampingan (luar jangka)

(a) Pihak jabatan mendapati hasil daripada portal ini sekaligus dapat membantu menyelesaikan tempoh memproses permohonan mengikut piagam sehingga

kelulusan penuh permohonan Pelan Pemajuan. Ini dapat dibuktikan melalui keputusan Jawatankuasa OSC dalam Tempoh Piagam pada Januari-Ogos 2023 sebanyak 65.9% berbanding pada Januari-Ogos 2024 sebanyak **97.7% di dalam** 14rofes OSC 3.0 Plus seperti di **lampiran 23**

KRITERIA 2: Perkhidmatan/Perkhidmatan Teras				
2.1	Pelaksanaan Persekitaran dan Kawalan	4.52	100.00%	Cemerlang
2.2	Kawalan Pemajuan	7.77	96.65%	Cemerlang
2.3	Kawalan Pemajuan	9.18	100.00%	Cemerlang
2.4	Penggunaan Pemasaran dan Harta	5.18	100.00%	Cemerlang
2.5	Penggunaan Laku Lintas dan Tempoh Lulus Kerosa	4.75	100.00%	Cemerlang
2.6	Perancangan dan Penggunaan Laju	4.32	100.00%	Cemerlang
2.7	Perancangan dan Penggunaan Projek	2.16	100.00%	Cemerlang

PEMARKAHAN SPBPBT TAHUN 2022

PEMARKAHAN SPBPBT TAHUN 2024

(b) Inovasi ini juga dapat membantu pihak jabatan dan Majlis dalam Audit SPB-PBT pada tahun 2024 dengan markah penuh bagi **kriteria 2.2 Kawalan Pemajuan sebanyak 100%** berbanding tahun 2022 sebanyak 96.65%.

(c) Projek ini juga menyokong inisiatif MBSJ kepada Zero Kaunter

(d) Memudahkan urusan proses pengauditan



KRITERIA 5 POTENSI PENGEMBANGAN INOVASI

5.A TAHAP KETERSEDIAAN TEKNOLOGI/SISTEM/PROSES

Hasil daripada inovasi ini, Kumpulan OSCrian turut menyediakan **Manual Pengguna (Lampiran 24)** bagi tujuan sebagai rujukan dan memberi panduan kepada pengguna yang menggunakan portal ini. Manual ini merangkumi 3 peringkat iaitu Manual pentadbir, kakitangan Jabatan OSC dan pemohon. Selain itu, **carta alir (Lampiran 17 & 18)** turut disediakan kepada kakitangan OSC bagi menjelaskan proses atau aliran kerja dalam memberi maklumbalas kepada pemohon. Hebahan melalui Poster Portal OSC Save My Date telah diedarkan kepada pemohon yang datang ke kaunter Jabatan Pusat Setempat dan boleh digunakan secara meluas oleh pemohon di mana sahaja. Inovasi ini juga telah disebar luas dalam bentuk pertandingan, pengauditan, perkongsian dalam lawatan atau jemputan seminar / pameran seperti berikut:



Oleh yang demikian, pelaksanaan projek ini telah banyak membantu kakitangan dalam mengembangkan keupayaan supaya menjadi kreatif dan inovatif dalam menyelesaikan masalah. Harapan kumpulan agar inovasi ini menjadi pembakar semangat untuk terus kreatif dalam berkongsi idea dengan menyertai pertandingan inovasi di masa yang akan datang.

5.B TAHAP REPLIKASI ATAU PENGKOMERSIALAN

Portal ini telah digunakan sepenuhnya oleh pemohon (perunding dan pemaju) dan boleh digunakan di mana-mana sahaja bagi menyemak status permohonan terkini. Hasil penggunaan portal ini, Kumpulan OSCrian telah mendapat beberapa penghargaan dari pemohon. Di antaranya:

- 3.1.1 Surat penghargaan kepada kumpulan OSCrian daripada SUNWAY PROPERTY No Ruj.: SIP/GA/COR/001 bertarikh 10 Febuari 2024 – Lampiran 23: Surat penghargaan kepada kumpulan OSCrian daripada SUNWAY PROPERTY.
- 3.1.2 Surat penghargaan kepada kumpulan OSCrian, Jabatan OSC, MBSJ daripada Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) MBSJ Zon 4 dengan No Ruj.: MPPZON4-MBSJ/OSCrin/Bil(01)/2024 bertarikh 08 Oktober 2024 – **Lampiran 25: Surat penghargaan kepada kumpulan OSCrian daripada SUNWAY PROPERTY**

Dari segi tahap replikasi, elemen portal ini secara tidak langsung dapat ditambahbaik dan boleh diintegrasikan dengan Sistem OSC 3.0 Plus Online yang dibangunkan oleh Kementerian Perumahan Kerajaan tempatan (KPKT). Hasil daripada lawatan, pihak Jabatan Kerajaan tempatan **bersetuju untuk berkongsi API bagi memudahkan penyelarasan Sistem OSC 3.0 Plus Online** dan Portal OSC Save My Date pada masa akan datang. Selain itu, Kumpulan OSCrian dalam perancangan bagi mencadangkan kepada urus setia *Selangor Greater Klang Valley* (SGKV) untuk menggunakan portal ini kepada 4 PBT di Selangor iaitu MBPJ, MBSA, MBSJ dan MBDK bagi tujuan menyelaraskan proses pengemukaan pelan-pelan pembangunan.

Portal ini boleh dikongsi bersama oleh Jabatan Teknikal Dalaman dan Luaran. Semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia dan boleh menerima manfaat daripada inovasi yang dijalankan. Inovasi ini juga merupakan teknologi digital yang terkini dalam sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan Negeri Selangor selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri ke arah Smart State 2025.

